

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 19/04/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 9

Angkasa sokong wujud pangkalan data berpusat tapis pinjaman penjawat awam

JERANTUT - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mengalu-alukan cadangan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk Azih Muda mewujudkan pangkalan data berpusat bagi menapis semua jenis permohonan pinjaman di kalangan penjawat awam.

Cadangan Cuepacs itu disarankan kepada Jabatan

Akauntan Negara (JANM) dalam kenyataan media yang dibuat pada 17 April lalu.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, cadangan itu bagi mengelakkan penjawat awam memiliki pinjaman lebih daripada 60 peratus dari baki gaji mereka.

Tambahnya, disarankan agar satu sahaja agensi dilantik bagi menyelaras permohonan pinjaman itu bagi

mengelakkan beban hutang kakitangan awam yang tinggi sehingga menjurus kepada masalah bankrap.

"Setakat ini ada lebih 10 agensi diberikan kod potongan gaji JANM termasuk Angkasa sendiri. Justeru, tidak mustahil akan berlaku masalah yang dimaksudkan."

"Oleh itu, Angkasa turut menawarkan diri untuk beri kemudahan bagi menyelaras permohonan pinjaman itu

memandang Angkasa memiliki sistem kawalan bersepuduyangbolehmembantu bukan sahaja kakitangan kerajaan, malah juga pemohon pinjaman lain," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Persidangan Negeri Angkasa Pahang Zon 2 yang diadakan di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Temin, semalam.

Menurutnya, Angkasa turut mengalu-alukan cadas

ngan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk memudahkan pertubuhan sebuah koperasi di mana cadangan itu secara tidak langsung dapat menggalakkan lagi pertubuhan koperasi negara ini.

"Ia sesuai dengan matlamat kerajaan yang menyasarkan 16,000 koperasi ditubuhkan menjelang 2020. Kini kita ada 13,000 koperasi seluruh negara," katanya.



ABDUL FATTAH

Sinar Harian
19/04/2017 (Cp 9)

Perpustakaan Koperasi
Malaysia